

# **GARIS PANDUAN PERMOHONAN SANGKUTAN KE LUAR NEGARA DENGAN MENGGUNAKAN PERUNTUKAN GERAN PENYELIDIKAN, DANA TABUNG AMANAH PPPI ATAU PERUNTUKAN UNIVERSITI**

## **1.0 TUJUAN**

Garis panduan ini menerangkan permohonan sangkutan ke luar negara dengan menggunakan peruntukan geran penyelidikan, dana tabung amanah PPPI atau peruntukan universiti

## **2.0 PENGENALAN**

Program seumpama ini dapat memberi peluang dan meningkatkan kompetensi kepada penyelidik dengan mendapatkan pendedahan dan pengalaman sebenar dalam bidang penyelidikan yang telah dikenalpasti di universiti yang terpilih di luar negara yang bersesuaian dengan bidang penyelidikan masing-masing. Dengan adanya program ini, ia juga dapat memantapkan pengetahuan disamping dapat mengikuti perkembangan terkini mengenai teknologi yang bersesuai dengan bidang yang diceburi. Sangkutan ke Luar Negara ini meliputi latihan/tindakan penyelidikan di luar negara di pelbagai tempat dan kumulatif sekurang-kurangnya 2 minggu.

## **3.0 SYARAT KELAYAKAN**

- (a) Pemohon mestilah warganegara Malaysia yang berkhidmat dengan Universiti secara sepenuh masa.
- (b) Pemohon merupakan seorang penyelidik yang aktif dalam menjalankan penyelidikan.
- (c) Pemohon mempunyai kelayakan akademik minima iaitu Ijazah Sarjana atau Ph.D dalam bidang-bidang berkaitan dari universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.
- (d) Tajuk penyelidikan pemohon hendaklah memberi hasil dan faedah amnya kepada negara dan khususnya kepada universiti pada masa akan datang

serta dapat memberi sumbangan kepada sektor pembangunan sosio-ekonomi negara.

- (e) Pemohon hendaklah memberi cadangan tempat sangkutan bagi penempatan penyelidikan dan nama penyelia yang berkaitan dengan penyelidikan sedia ada.
- (f) Jumlah elaun/biasiswa adalah berdasarkan kadar Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) atau sebagaimana yang diluluskan oleh pihak Universiti mengikut peraturan sedia ada dengan persetujuan pihak terbabit.

#### **4.0 BENTUK BANTUAN**

- (a) Jangka masa sangkutan ke luar negara adalah seperti berikut:
  - i. minimum jangka masa sangkutan adalah dua (2) minggu.
  - ii. maksimum jangka masa sangkutan adalah tiga (3) bulan.
- (b) Pemohon yang berjaya akan menerima bantuan kewangan sepenuhnya atau sebahagian untuk elaun makanan, elaun penginapan, pakaian panas, elaun perjalanan dan lain-lain yang berkaitan (tertakluk kepada kelayakan atau kelulusan).

#### **5.0 CARA MEMOHON**

- (a) Borang permohonan boleh di muat-turun menerusi laman <http://upnm.edu.my> dibawah Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi.
- (b) Borang permohonan perlu di sertakan bersama dokumen berikut :-
  - Surat tawaran/persetujuan penerimaan dari Institusi/Universiti yang dipohon dan yuran-yuran yang berkaitan (jika ada).
  - Justifikasi keperluan penempatan penyelidikan yang dipohon dan sekiranya bagi penggunaan peruntukan geran, justifikasi perlu juga dibuat bagi permohonan yang tiada di dalam kertas cadangan asal yang telah diluluskan.

- Rancangan aktiviti penyelidikan sepanjang tempoh jangka masa sangkutan di luar negara.
- (c) Permohonan adalah terbuka sepanjang tahun dan mestilah diperakui oleh Dekan/Pengarah dan Ketua Program/Ketua Projek sebelum dihantar ke Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi.
- (d) Program sangkutan ke Luar Negara ini adalah berdasarkan kepada sesuatu projek penyelidikan yang sedang dijalankan oleh pemohon.
- (e) Pemohon juga dikehendaki mengenalpasti makmal, universiti, industri atau pusat penyelidikan yang bersesuaian dengan bidang penyelidikan tersebut.
- (f) Sebarang kelulusan khas tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Penyelidikan dan Inovasi Universiti (JPIU).

<b>Rekod Kelulusan</b>	
<b>LPU</b>	<b>Bil 3/2016 – 23 September 2016</b>
<b>EXCO</b>	
<b>Senat</b>	<b>Bil 59 8/2016 – 18 Ogos 2016</b>
<b>JPIU</b>	<b>Bil 4/2016 – 4 Ogos 2016</b>

